

**UCAPAN
PROFESSOR DR MOHAMED IBRAHIM BIN ABDUL MUTALIB
PEMANGKU NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI
PETRONAS
UNTUK**

**MAJLIS PELANCARAN BUKU *MY JOURNEY INTO PERAK: MINING
THE STATE HISTORY* TULISAN PROFESOR MADYA DR AZRAI
HAJI ABDULLAH**

**6 MEI 2018
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim

**Yang Berusaha Encik Mohd Khair Ngadiron
Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan &
Buku Malaysia (ITBM)**

Profesor Madya Dr Azrai Haji Abdullah

Seterusnya hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat sejahtera dan selamat petang.

Bersyukur kita ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama berkumpul di sini utk Majlis Pelancaran Buku *My Journey Into Perak: Mining The State History* tulisan Profesor Madya Dr Azrai Haji Abdullah.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), mengucapkan ribuan terima kasih, kepada para hadirin sekalian, kerana sudi untuk bersama, di majlis penuh bermakna ini, yang pastinya akan menjadi kenangan abadi dalam sejarah universiti ini. Saya juga ingin

mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Institut Terjemahan & Buku Malaysia atas jemputan bagi merasmikan majlis pelancaran buku ini.

Buat julung kalinya, majlis pelancaran buku dirasmikan di Pusat Dagangan Dunia Putra atau PWTC, Kuala Lumpur ini, bagi meraikan Profesor Madya Dr Azrai Haji Abdullah, pensyarah dari Jabatan Pengurusan dan Ilmu Kemanusiaan, UTP. Syabas dan tahniah kepada Profesor Madya Dr Azrai atas daya usaha dan inisiatif beliau di dalam penghasilan buku ini. Saya tumpang berbangga dengan pelancaran buku ini yang pada asalnya merupakan sebuah tesis PhD yang disiapkan pada tahun 2007.

Para hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

Setelah meneliti buku yang diberikan kepada saya, ianya amat sesuai dibaca oleh semua golongan dan bukan dikhususkan kepada orang Perak sahaja. Buku ini telah didokumentasikan dalam bentuk *photo-essay* dengan menghimpunkan sejarah negeri dan kisah perjalanan hidup dari kaca mata seorang anak jati negeri Perak yang menyentuh pelbagai sudut termasuk sejarah ekonomi negeri Perak.

Saya telah bermastautin di Perak dan bekerja di UTP selama lebih 20 tahun, justeru saya amat teruja untuk membaca buku ini dengan lebih lanjut. Malahan isi dan kandungan buku ini juga ditulis sebegitu lengkap dengan fakta, rujukan, kajian dan hujah-hujah yang menyokong setiap isi yang dibahaskan. Lebih menarik lagi, buku ini diperkuatkan dengan

contoh-contoh melalui gambar-gambar sejarah negeri Perak serta gambar-gambar dari koleksi peribadi penulis sendiri. Untuk mengetahui lebih lanjut lagi, para hadirin boleh mendapatkan buku ini selepas majlis ini.

Saya juga difahamkan selain dari buku ketiga ini, Profesor Madya Dr Azrai sedang menyiapkan manuskrip buku keempat yang bertajuk, '*Perak: From Natural Economy to Capitalism*', sebuah buku ilmiah yang menyusuri transformasi negeri Perak selama dua ratus tahun. InshaAllah buku ini akan berada dipasaran sekitar awal tahun hadapan.

Para hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

Sebagai sebuah universiti yang mengutamakan penyelidikan, Universiti Teknologi PETRONAS memberikan tumpuan kepada pencapaian penyelidikan untuk setiap pensyarah akademik kami. Tumpuan utama diberikan kepada usaha mempertingkatkan pencapaian yang telah diperoleh dan seterusnya mengekal dan meningkatkan momentum penghasilan penyelidikan yang berkualiti. UTP terus mengorak langkah untuk memperkasakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan seperti tahun-tahun yang dahulu, lebih dari 90% ahli akademik UTP telah mendapat dana penyelidikan dari pelbagai agensi dan dilantik sebagai Penyelidik Utama (Principal Investigator) bagi projek-projek penyelidikan.

Saya berharap agar semoga penerbitan ini akan membuka laluan kepada penerbitan-penerbitan susulan. Koleksi seperti ini adalah khazanah negara yang kita perlu pelihara untuk generasi akan datang. Betapa

manfaatnya kepada bangsa di hari ini dan di masa hadapan, jika koleksi-koleksi seperti ini dapat dihimpun atau dibukukan. Semoga usaha-usaha seperti ini dapat memberi inspirasi, memberi ilham dan memberi keberanian kepada institusi-institusi ilmu di negara ini untuk menggerakkan sesuatu usaha mendalami khazanah intelek.

Saya akan terus megalakkan pensyarah-pensyarah di UTP supaya sentiasa aktif dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan, penerbitan artikel jurnal, penulisan buku ilmiah dan penghasilan produk inovasi. Saya juga berharap pihak ITBM akan terus menyokong kami serta dapat bekerjasama untuk menerbitkan terbitan ahli-ahli akademik UTP di masa akan datang.

Selari dengan tema universiti kami, Ke Arah Keunggulan Global, UTP akan terus melaksanakan pelbagai transformasi bagi memastikan cabaran-cabaran tersebut ditangani dengan penuh bijaksana dan terancang agar kelestarian universiti ini dapat dikekalkan.

Akhir kata, tahniah sekali lagi kepada semua pihak yang telah menyumbangkan tenaga sehingga terbitnya buku ini. Dengan kalimah Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasa penuh kesyukuran melancarkan buku *My Journey Into Perak: Mining The State History*. Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh